

Ahli politik, pakar perlu reset

Pemikiran mereka yang menerima pendidikan barat perlu ubah berkaitan pelaksanaan sistem Westminster

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM



Laporan Sinar Harian pada Khamis.

Ahli politik dan pakar perlu mengubah pemikiran berkaitan pelaksanaan sistem Westminster dan kembali kepada prinsip kedaulatan negara yang bercirikan pematuhan syariah.

Pakar Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang

(UMP), Datuk Profesor Madya Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berkata, ramai ahli politik dan pakar berkaitan yang menerima pendidikan barat menjadikan sistem itu sebagai rujukan dalam amalan politik negara.

Bagaimanapun beliau memberitahu, Perlembagaan negara tidak menerima secara keseluruhan sistem berkenaan.

“Apabila prerogatif Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu dikemukakan dengan maksud sebagai pihak berkuasa untuk mentadbir pemerintahan, maka terdapat tuduhan menyatakan ada usaha mengembalikan monarki mutlak.

“Perlu ditegaskan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia tertakluk pada prinsip keluhuran Perlembagaan Persekutuan. Demokrasi di sini tidak mutlak kerana Parlimen tidak boleh menggubal dan meminda semua peruntukan undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan walaupun mempunyai majoriti,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Menurutnya, banyak peruntukan undang-undang dan Perlembagaan yang tidak boleh dipinda tanpa kebenaran Majlis Raja-raja dan Yang di-Pertua Negeri bagi Sabah dan Sarawak. “Kerangka Westminster me-

mang telah lapuk kerana berlandaskan pemikiran manusia dan tidak mempunyai nilai murni sejagat seperti ajaran agama.

“Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan yang diperjelaskan melalui sumpah Yang di-Pertuan Agong dan kedudukan Islam dalam kerangka Perlembagaan, prinsip patuh syariah merupakan prinsip kedaulatan berkedudukan sebagai governan utama dalam sistem politik dan perundangan,” katanya.

Pada Khamis, Pengerusi dan Pengasas Bersama Ikhlas Capital, Datuk Seri Nazir Tun Razak berkata, Malaysia perlu melakukan penetapan semula bagi menjadikan negara lebih baik pada masa depan.

Menurut Nazir, negara telah mewarisi satu sistem Westminster daripada penjajah yang tidak lagi sesuai digunakan kini kerana sudah lapuk.

Jelas Nazir lagi, sistem sebuah negara tidak boleh diguna pakai dalam satu tempoh yang lama tanpa ada pembaharuan.

Mengulas lanjut, Wan Ahmad Fauzi berkata, prinsip patuh syariah sepatutnya dilaksanakan mengikut peruntuk-

an Perlembagaan.

Tambah beliau, prinsip patuh syariah mengukuhkan amalan syura yang menitikberatkan nilai agama, ketelusan, integriti, akauntabiliti dan kebijaksanaan.

“Kita lihat pada zaman dahulu prinsip patuh syariah dilaksanakan dalam bentuk sistem orang besar 4, 8, 16. Ada bidang kuasa kehakiman Bendahara, Temenggung dan Shahbandar.

“Selepas Hari Merdeka diwujudkan pelaksanaan sebagai contohnya dalam sistem Jemaah Menteri dan Parlimen.

“Apa yang perlu dibuat, kembalikan penguatkuasaan nilai tadbir urus berlandaskan prinsip patuh syariah dan amalan syura yang bermatlamatkan keadilan pada setiap peringkat,” ujarnya.

Menurutnya, bagi mencapai objektif itu, pemikiran ahli politik dan sarjana yang terlalu mengagungkan kerangka fahaman Westminster perlu direset.

Katanya, undang-undang boleh digubal di bawah peruntukan Perlembagaan sedia ada untuk menangani isu pelanggaran tadbir urus, integriti dan menghapuskan semua bentuk rasuah.



WAN AHMAD FAUZI

Mengulas mengenai negara perlu mempunyai politik yang mempunyai pengadil, Wan Ahmad Fauzi berkata, sistem pentadbiran negara ketika ini sudah ada pengadil.

“Pengadil yang dimaksudkan ialah institusi beraja yang tidak berparti yang sewajarnya diraikan untuk menegur pelaksanaan fungsi kuasa legislatif, eksekutif dan kehakiman agar selari dengan objektif yang terkandung dalam sumpah Yang di-Pertuan Agong.

“Tetapi yang timbulkan masalah hari ini, apabila Yang di-Pertuan Agong dan raja menegur atau menyampaikan nasihat, ada pihak yang begitu angkuh menghasut rakyat untuk mendiamkan institusi raja.

“Bekas Ketua Hakim dan Hakim Besar Negara sebelum ini pernah menggesa pengharmonian undang-undang Persekutuan dengan prinsip perundangan Islam diperkasakan,” katanya.

Jelasnya, langkah tersebut amat bertepatan dengan ajaran Islam sebagai prinsip kedaulatan negara.

“Harmonikan undang-undang, keputusan dan polisi yang ada dengan prinsip perundangan Islam serta terjemahkan melalui tindakan, Insha-ALLAH, inilah reset yang diperlukan,” ujarnya.